

Sektor pertanian negara perlu dikaji semula

KUALA LUMPUR 25 April - Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) merupakan satu kejutan kepada Malaysia bagi menentukan hala tuju sektor pertaniannya, supaya sektor itu benar-benar memberi impak yang signifikan terhadap ekonomi negara.

Pengarah Urusan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Datuk Charon Wardini Mokhzani berkata, meskipun TPPA tidak terlalu memberi kesan kepada sektor pertanian kerana Malaysia telah mengamalkan dasar terbuka dalam pertanian, namun perjanjian itu menjadi penanda aras terhadap prestasi dan prospek masa depan negara dalam sektor berkenaan.

Jelasnya, kajian juga perlu dilakukan bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan berbanding negara-negara pesaing khususnya dalam merebut akses pasaran pertanian dan menjadi pengeluar produk-produk makanan berasaskan pertanian.

“Pengurangan tarif produk-produk pertanian di dalam TPPA tidak terlalu berimpak besar berbanding industri lain termasuk kontrak kerajaan. Namun ia penting bagi kita untuk menilai semula fokus sektor pertanian negara.

“Di dalam perdagangan antarabangsa, sebuah negara tidak perlu menguasai sesuatu sumber pertanian, namun masih mampu menjadi pengeluar produk pertanian berasaskan sumber tersebut. Misalnya, Switzerland merupakan pengeluar produk-produk coklat utama dunia, tetapi mereka tidak mempunyai sumber koko di ne-



CHARON WARDINI MOKHZANI (tengah) menjadi ahli panel Forum 'TPPA dan Implikasinya Terhadap Pertanian dan Jaminan Sumber Makanan Malaysia' di Kuala Lumpur, semalam.

gara mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjadi ahli panel forum bertajuk 'TPPA dan Implikasinya Terhadap Pertanian dan Jaminan Sumber Makanan Malaysia' di sini hari ini.

Turut menjadi ahli panel ialah Pengarah Kanan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Wan Latiff Wan Musa; Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad.

Beliau dalam pada itu berkata, kemampuan sama ada Malaysia dapat memanfaatkan TPPA adalah bergantung kepada sejauh mana pemahaman dan kepakaran syarikat-syarikat Malaysia terhadap

peraturan-peraturan di dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA).

Beliau bagaimanapun berkata, berdasarkan beberapa FTA yang telah ditandatangani Malaysia sebelum ini, syarikat-syarikat Malaysia dilihat kurang menggunakan kelebihan yang terdapat menerusi TPPA.

Sementara itu, Wan Latiff berkata, Malaysia mempunyai kelebihan di dalam segmen hiliran pertanian itu menghasilkan produk-produk makanan yang diproses.

“Kelebihan seperti itu tidak semestinya memerlukan Malaysia menguasai sumber-sumber bahan mentah. Kita perlu menggunakan kelebihan ini untuk mengambil kesempatan ini di dalam TPPA, selain konsep halal.